



Headline: Peniaga rugi RM12,177 ditipu sindiket

Publication/Portal: Sinar Harian

Date: 12 January 2020

Language: Malay

Section: Dari Terengganu

Page: 37

## Peniaga rugi RM12,177 ditipu sindiket

**KUALA TERENGGANU -** Seorang peniaga rugi RM12,177.65 selepas diperdaya sindiket Macau Scam dengan mendakwa kad kreditnya digunakan individu lain untuk urus niaga jual beli dadah Rabu lalu.

Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Terengganu, Deputi Superintendant Hamdan Zali berkata, kejadian bermula apabila lelaki berusia 35 tahun itu menerima panggilan telefon daripada suspek memaklumkan mengenai tunggakan kad kredit berjumlah RM5,000.

"Mangsa menafikan sekeras-kerasnya sebelum talian itu disambungkan kepada seorang lagi suspek kononnya 'inspektor' dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Terengganu.

"Suspek memaklumkan kad kredit mangsa dikesan di-

gunakan oleh individu untuk melakukan urusan jual beli dadah dan tindakan undang-undang akan diambil bila-bila masa sahaja sekiranya mangsa tidak menjelaskan tunggakan.

"Bagaimanapun dalam masa sama suspek memberitahu dia boleh membantu menyelesaikan secara baik tetapi meletakkan syarat iaitu mangsa perlu memasukkan RM12,177.65 ke akaun bank diberikan," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* di sini semalam.

Hamdan berkata, mangsa yang berasa takut terus bersestuji sebelum membuat tiga kali transaksi wang ke dalam akaun



HAMDAN

bank diberikan pada hari sama selepas panggilan diterima.

"Selesai membuat transaksi wang seperti diminta, mangsa menghubungi pihak bank berkenaan untuk kemas kini pembayaran tersebut tetapi mangsa diberitahu yang dia tidak mempunyai sebarang tunggakan bayaran sebelum ini," katanya.

Katanya, terkedu mendengar penjelasan pihak bank, mangsa yang berasa ditipu kemudian ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Terengganu untuk membuat laporan dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Kesejahteraan kerana menipu.